

# 4

## FAKTOR-FAKTOR PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN

Islam telah meletakkan panduan yang jelas kepada umat manusia berkaitan dengan urusan mendirikan rumah tangga. Dari sudut perundangan, kerajaan telah menyediakan garis panduan yang dikenali sebagai *Enakmen Undang-undang Keluarga Islam* untuk dilaksanakan dan diletakkan di bawah bidang kuasa undang-undang tubuh negeri masing-masing. Oleh itu, setiap pasangan yang ingin melangsungkan perkahwinan perlu mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan supaya tidak menimbulkan masalah berbangkit di kemudian hari.

Peningkatan kes-kes perkahwinan tanpa kebenaran telah memberi suatu gambaran dan juga tanggapan kepada masyarakat bahawa peruntukan yang disediakan di bawah Akta dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia terlalu rigid dan tidak mampu berfungsi dalam memenuhi realiti keperluan masyarakat. Mereka seolah-olah sudah lupa bahawa setiap kesahan perkahwinan perlu memenuhi keperluan hukum dan perundangan. Situasi ini berlaku apabila pasangan yang berdepan dengan sesuatu masalah untuk berkahwin mendapat halangan daripada keluarga dan sebagainya.

Kebanyakan pasangan yang melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran memilih Thailand sebagai destinasi popular untuk menghalalkan tindakan mereka. Jumlah kes perkahwinan

tanpa kebenaran menunjukkan angka yang tinggi terutama sekali di negeri-negeri yang bersempadan dengan Thailand seperti Kelantan, Kedah, Perak dan Perlis. Ini kerana, rakyat di negeri-negeri ini mendapat kemudahan pas keluar masuk ke Thailand dan kelonggaran peruntukan peraturan perkahwinan. (Noraini Mohd Hashim, 2007).

### **Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Berlakunya Perkahwinan Tanpa Kebenaran**

Berdasarkan kepada penelitian yang dibuat terhadap beberapa kes perkahwinan tanpa kebenaran yang didaftarkan di Mahkamah Syariah di Malaysia, khususnya di Mahkamah Syariah Kangar Perlis, didapati terdapat beberapa faktor utama yang mendorong pasangan memilih jalan mudah untuk melangsungkan perkahwinan mereka di luar negara tanpa kebenaran. Antara faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut:

- a) Tidak Mendapat Persetujuan daripada Wali dan Keluarga  
Faktor utama yang menyebabkan ramai pasangan mengambil jalan mudah untuk melaksanakan perkahwinan mereka adalah disebabkan tidak mendapat persetujuan dan juga halangan daripada wali atau ahli keluarga. Sebagai contoh, dalam kes *Mohd Syazwan bin Suban* dan *Siti Aishah binti Mohamad Tajudin* (09001-010-0121-2010). Kes ini didaftarkan di Mahkamah Syariah Kangar, Perlis pada tahun 2010. Pasangan ini telah melangsungkan perkahwinan mereka di Majlis Agama Islam Wilayah Satun, Thailand. Perkahwinan tanpa kebenaran yang berlaku disebabkan pasangan tidak mendapat restu daripada ibu di sebelah pihak perempuan. Walaupun wali bersetuju dengan calon yang dipilih oleh anak perempuannya, namun